

Tiada lagi pengampunan PATI

Putrajaya: Kerajaan tidak berhasrat mengadakan program pengampunan untuk pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini kerana Pelan Rekaliibrasi Pendatang Tanpa Izin dan Rekaliibrasi Pulang oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) sudah memadai.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin, berkata pelan rekaliibrasi sejak November lalu memberi peluang kepada warga asing yang berada di negara ini untuk membuat pilihan untuk terus bekerja atau kembali ke negara asal, bertakluk syarat ditetapkan kerajaan.

Katanya, ia memberi peluang kepada majikan sektor pembinaan, pembuatan, perladangan dan pertanian untuk mengambil pekerja asing tidak berdokumen secara sah, manakala warga asing ingin kembali ke negara asal boleh memilih rekaliibrasi pulang.

"Program turut diperluaskan kepada pengusaha empat subsektor iaitu pemborong dan peruncit, restoran, kargo serta perkhidmatan pembersihan dalam industri perkhidmatan. Melalui program dan pelan ini, warga asing yang melakukan pelbagai kesalahan imigresen akan memiliki dokumen sah.



Hamzah mendengar penerangan daripada Pengarah Operasi Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma), Datuk Hussein Omar Khan ketika membuat lawatan ke KLIA, semalam.
 (Foto Mohd Fadli Hamzah /BH)

"Mereka tidak lagi perlu bersembunyi dari satu tempat ke satu tempat. Apa yang kita mahukan, mereka ikut dan patuh undang-undang negara ini dan itulah yang sedang kita lakukan. Untuk yang ingin pulang ke negara asal boleh guna saluran betul, kenapa perlu secara haram," katanya.

Menjelaskan demikian dalam temu bual bersama media di pejabatnya kelmarin, Hamzah berkata, KDN melalui agensi penguatkuasaannya akan terus agresif mengesan warga asing tiada dokumentasi sah untuk memelihara kedaulatan undang-undang

demi ketenteraman rakyat.

Katanya, beliau hairan mengapa ada segelintir pihak termasuk pemimpin politik pembangkang dan kumpulan hak asasi manusia (NGO) mencadangkan kerajaan memberi pengampunan kepada golongan terbabit, sedangkan latar belakang mereka tidak diketahu.

"Bagi saya kita seharusnya utamakan kepentingan negara dan rakyat kita, itu lebih penting. Saya berharap sangatlah rakyat faham tanggungjawab saya sebagai Menteri Dalam Negeri demi keamanan dan kesejahteraan kita bersama," katanya.

Di Sepang, Hamzah pada sidang media selepas melawat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) semalam, berkata KDN akan membuat beberapa penambahbaikan dalam sistem MyTravelPass serta laluan keluar masuk pelancong bagi menghalang penularan COVID-19.

Beliau mendapati beberapa kelemahan dalam sistem oleh Jabatan Imigresen serta laluan yang digunakan pelancong, antaranya ketika mahu menaiki pesawat perlu menunjukkan di kaunter sama ada mempunyai kelulusan MyTravelPass atau sebaliknya.